

Tayar kereta bawa PM, isteri pancit

24-23/11/2007
DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah malam kelmarin, terpaksa menukar kenderaan dalam perjalanan pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Changi di sini, selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke-13 apabila kereta rasmi jenis BMW Siri-7, yang disediakan tuan rumah, Singapura mengalami masalah tayar pancit di lebuh raya.

Masalah tayar berkenaan menyebabkan pemandu kereta terbabit terpaksa memberhentikan kenderaan di tepi lebuh raya.

Kegagalan tuan rumah menyediakan kereta rasmi gantian dengan segera menyebabkan Abdullah serta Jeanne terpaksa menaiki kereta keselamatan jenis Saab yang berada di belakang kereta rasmi berkenaan, manakala dua pengawal keselamatan dalam kereta itu terpaksa ditinggalkan di tepi lebuh raya.

Seorang pegawai kanan Malaysia berkata, Perdana Menteri dan isteri terpaksa keluar daripada kereta rasmi terbabit untuk menaiki kereta keselamatan berwarna putih selepas dimaklumkan kereta gantian rasmi akan tiba lewat.

Katanya, Perdana Menteri dan isteri dijadualkan menaiki penerbangan jam 11 malam menggunakan pesawat peribadi untuk ke Kuala Lumpur.

"Kereta rasmi itu mengalami tayar pancit di belakang dan apa yang lebih mengejutkan kereta keselamatan utama yang berada di depan kereta rasmi Perdana Menteri, langsung tidak menyedari kejadian berkenaan.

"Ketika Perdana Menteri dan isteri bertukar kereta, tiada langsung kawalan keselamatan yang sepatutnya disediakan untuk Ketua Negara," katanya.

Abdullah sebelum itu, menghadiri Majlis Makan Malam yang dihoskan Presiden Singapura, SR Nathan di Istana Presiden.

Beliau yang mempunyai jadual padat kelmarin menghadiri Sidang Kemuncak Asean-Jepun dan Asean-Korea Selatan pada sebelah pagi sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) di sebelah petang.

Selepas tamat majlis berkenaan, Abdullah bergegas menghadiri sidang akhbar terakhirnya sempena Sidang Kemuncak Asean ke-13 bersama wartawan asing dan Malaysia sebelum menghadiri Pameran 'On The Nalanda Trail' yang dihoskan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Difahamkan, selepas kejadian tayar pancit itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengingatkan pegawai Wisma Putra supaya memastikan bahawa kejadian berkenaan tidak berulang ketika Malaysia menganjurkan persidangan bertaraf antarabangsa.

"Secara peribadi, Menteri Luar melahirkan kekecewaan dengan kejadian berkenaan kerana sebarang kemungkinan boleh terjadi ketika Perdana Menteri dan isteri bertukar kereta di tepi lebuh raya berkenaan," katanya.